



اَوْنِيُوْرْسِيْتِي تِيكْنُوْلُوْجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN MyRA (Pindaan Ke- 2 2021)

Unit Perolehan Geran (UPG)
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8257/8259
Faks : (+603) 5544 8280



اَوْنِيُوْرْسِيْتِي تِيكْنُوْلُوْجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)

SENARAI KANDUNGAN

KANDUGAN	M/S
Falsafah, Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran Penyelidikan MyRA	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	4
4.0 Peraturan Kewangan	5
5.0 Peraturan Permohonan	6
6.0 Penilaian Geran	6
7.0 Pemantauan Penyelidikan	6
8.0 Keberhasilan Penyelidikan	7

VISI DAN MISI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Falsafah

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.

MISI

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DALAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GERAN PENYELIDIKAN MyRA

1.0 PENGENALAN

- 1.1** Geran Penyelidikan MyRA diwujudkan untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.
- 1.2** Geran ini bertujuan untuk menerapkan budaya penyelidikan tanpa sempadan di kalangan penyelidik agar menjadi pemangkin kepada permohonan geran penyelidikan nasional dan antarabangsa.

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

Jumlah peruntukan dan jangka masa projek adalah seperti berikut:

- 1) Bidang Sains & Teknologi : Tidak melebihi RM 20,000 bagi tempoh dua (2) tahun.
- 2) Bidang Sains Sosial : Tidak melebihi RM 10,000 bagi tempoh dua (2) tahun.

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut: -

- 3.1** Ketua Penyelidik adalah staf akademik tetap / kontrak di UiTM.
- 3.2** Berkelayakan sekurang-kurangnya Sarjana (DM45 atau setara).
- 3.3** Geran ini dikhaskan kepada penyelidik yang telah menamatkan pengajian Ijazah Kedoktoran (PhD) berumur 45 tahun ke bawah dan tidak pernah menjadi ketua penyelidik.
- 3.4** Penyelidik perlu melantik Mentor sebagai penyelidik bersama dari kalangan penyelidik DM54 ke atas dan dari bidang yang sama
- 3.5** Staf akademik yang cuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik tetapi boleh menjadi penyelidik bersama kepada projek tersebut.
- 3.6** Ketua Penyelidik yang cuti belajar perlu membuat pertukaran Ketua Penyelidik yang baru di kalangan penyelidik bersama projek tersebut.

- 3.7 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama mestilah menyumbang minimum RM 20.00 sebulan kepada Tabung Amanah Penyelidikan & Inovasi Universiti (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan.
- 3.8 Staf baru yang menjadi Ketua Penyelidik mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa.
- 3.9 Setiap projek mesti mempunyai ahli penyelidik sekurang-kurangnya dua (2) orang sehingga lima (5) orang termasuk Ketua Penyelidik.
- 3.10 Setiap Ketua Penyelidik layak memohon semula Geran Penyelidikan MyRA apabila geran tersebut telah tamat tempoh dan mencapai KPI yang ditetapkan.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

- 4.1 Perbelanjaan projek adalah dibenarkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA)
Vot21000	Perjalanan, penginapan dan pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik pulih kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 4.2 Bayaran Pembantu Penyelidik (RA/GRA) tidak melebihi RM1,000.00 untuk sebulan.
- 4.3 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.4 Permohonan pembantu penyelidik (RA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).
- 4.5 Penyelidik tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/katrij dan seumpamanya); adalah tidak dibenarkan.
- 4.6 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan Pejabat TNCPi dan Pejabat Naib Canselor serta tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM.

- 4.7** Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
- i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/ kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sahaja.
 - ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

Permohonan Geran Penyelidikan MyRA perlu menggunakan borang permohonan yang terkini melalui sistem atas talian di iPRO2u. (<https://ipro2u.uitm.edu.my/>).

6.0 PENILAIAN GERAN

- 6.1** Permohonan Geran Penyelidikan MyRA akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPi.
- 6.2** Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Pejabat TNCPi kepada Ketua Penyelidik dan salinan kepada penyelidik bersama dan Ketua Jabatan.
- 6.3** Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama perlu menandatangani surat terima tawaran yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

7.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 7.1** Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- 7.2** Penyelidik WAJIB menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem pengurusan penyelidikan atas talian (iRMIs).
- 7.3** Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama Laporan Prestasi pertama (6 bulan).
- 7.4** Kumpulan Penyelidik perlu mengikut perancangan penyelidikan dan tempoh di carta perbatuan seperti yang dijanjikan semasa permohonan geran. Semakan akan dibuat berdasarkan Laporan Prestasi.
- 7.5** Kegagalan memenuhi perkara 7.2 hingga 7.4 di atas (tanpa justifikasi kukuh) boleh menyebabkan amaran atau geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 7.6** Sekiranya perlu, Ketua Penyelidik perlu memohon pelanjutan secara atas

talian melalui sistem iRMI sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh geran tamat. Perancangan semula penyelidikan harus disertakan bersama permohonan. Permohonan pertukaran dan penambahan ahli juga dilakukan secara atas talian dengan keperluan justifikasi yang kukuh.

- 7.7** Pihak RMC akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 7.8** Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.
- 7.9** Kumpulan penyelidik juga mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan Kerahsiaan Data serta Malaysian Code of Responsible Conduct in Research 2017.

8.0 KEBERHASILAN PENYELIDIKAN

- 8.1** Penyelidik mesti menerbitkan dua (2) penerbitan berindeks SCOPUS / WoS.
- 8.2** Penghargaan kepada Geran Penyelidikan MyRA mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.